

18/05/2003

Penerima anugerah pernah mahu berhenti sekolah

KUALA LUMPUR: Penerima Anugerah Tokoh Pekerja Perempuan (Orang Kurang Upaya), Norisah Bahrom, 28, pernah bertekad mahu berhenti sekolah setelah

mendapati hidupnya terpaksa bergantung pada kerusi roda berikutan kerosakan tulang belakang ketika berusia 15 tahun.

Kakitangan Celcom Malaysia Bhd yang berasal dari Kampung Parit Tiram, Muar, Johor, berkata ketika itu beliau belajar di Sekolah Menengah Convent, sangat malu dan kecewa apabila tidak lagi mampu berjalan seperti orang lain.

"Mujur tidak mengikut perasaan. Saya kemudian meneruskan pelajaran hingga tamat tingkatan lima dan kemudian mengikuti kursus mekanik radio, televisyen dan komputer di Pusat Pemulihan Cheras," katanya.

Norisah berkata, pada mula ibu bapanya keberatan untuk melepaskannya mengikuti kursus itu, tetapi dia menguatkan tekad kerana tinggal di kampung tanpa sebarang pengetahuan akan menyebabkannya terus dibelenggu kekecewaan.

Kini dengan jawatan Penolong Perekabentuk Multimedia selepas tujuh tahun bekerja di syarikat telekomunikasi terkemuka, Norisah mampu berdikari dan membeli rumah sendiri, suatu perkara yang mustahil dicapainya jika tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan.

Pencapaiannya yang lebih hebat dan melayakkan menerima anugerah itu ialah mengharumkan nama negara di arena antarabangsa apabila mewakili Malaysia dalam sukan tenis berkerusi roda.

Sukan itu membawanya menjelajah ke lebih 10 negara dan antara pencapaian hebatnya termasuk juara beregu Kejohanan Terbuka Belgium pada tahun 2000, Kejohanan Terbuka Switzerland (2001) dan emas dalam Kejohanan Paralimpiad dan Asean (2002).

Dalam Kebanyakan kejohanan yang disertai, Norisah mara ke peringkat separuh akhir, termasuk Kejohanan Lion Cup di Taiwan awal tahun ini. Beliau juga aktif dalam pelbagai persatuan seperti Persatuan Tenis Berkerusi Roda Malaysia serta prihatin dengan nasib golongan senasib seperti cacat pendengaran hingga mampu berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat.

Norisah menerima anugerah itu daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Perhimpunan Hari Pekerja 2003 di Stadium Putra, Bukit Jalil, semalam.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn serta Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Datuk Zainal Rampak dan Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk N Siva Subramaniam.

Penerima Anugerah Tokoh Pekerja Lelaki (OKU) pula ialah guru cacat

penglihatan, Mohamed Ismail, yang mewakili Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia.

Penerbit Kanan Sistem Televisyen Malaysia Bhd (TV3), Mazlin Nordin dan Pegawai Kanan Eksekutif Pengeluaran Infenion Technologies Sdn Bhd (Melaka), Muhammad Nabil Vethivel Abdullah, dipilih sebagai Tokoh Pekerja Perempuan dan Lelaki.

Penerima lain ialah Panasonic Communications (M) Sdn Bhd di Senai, Johor, dan Secret Recipe Cakes & Cafe Sdn Bhd, Petaling Jaya, Selangor bagi Anugerah Majikan Berdaya Saing (syarikat besar/industri kecil dan sederhana). Elektrisola (M) Sdn Bhd, Bentong, Pahang, menerima Anugerah Majikan Prihatin kategori syarikat besar, manakala tiada pemenang bagi industri kecil dan sederhana. Ladang Cenderawasih, Lahad Datu, Sabah, menerima Anugerah Ladang Bahagia.

Kesatuan Kakitangan Perkhidmatan Tadbir dan Awam Pasukan Polis Semenanjung Malaysia (PACSU) menerima Anugerah Kesatuan Sekerja Contoh kategori sektor awam dan Kesatuan Sekerja Bank Sabah bagi sektor swasta.

Sementara itu, Mohamed, 51, yang berbakat mencipta dan mendeklamasi sajak serta bermain catur, tidak mengangap buta sebagai penghalang untuk dia mengajar murid normal di Sekolah Menengah Ibrahim Fikri di Terengganu.

Graduan Universiti Malaya pada 1976 ini adalah Tokoh Guru Cemerlang peringkat sekolah pada 1999 dan Tokoh OKU Terengganu pada 1995.

"Walaupun saya tidak nampak, saya mampu mengajar seperti guru lain. Pelajar juga memberi kerjasama baik kerana mereka turut bangga kerana mempunyai guru cacat penglihatan," katanya yang mengajar subjek Sejarah.